

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR
[TANJONG KARANG]

TARIKH 15.3.2016

SOALAN

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk memeriksa sistem pendawaian di sekolah khususnya bangunan lama bagi mengelak berlaku kebakaran akibat litar pintas. Sekiranya ada, bilakah ia akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa menitikberatkan aspek keselamatan bagi semua infrastruktur pendidikan di seluruh negara. KPM telah mengambil inisiatif awal bagi mengumpul kesemua maklumat berkaitan sistem pendawaian elektrik khusus bagi sekolah- sekolah yang berusia melebihi 20 tahun.

Memandangkan jumlah sekolah di seluruh negara sebanyak 10,173 iaitu sekolah rendah sebanyak 7,769 dan sekolah menengah sebanyak 2,404; sudah pasti penyelenggaraan bagi sistem pendawaian elektrik akan memakan jumlah peruntukan yang sangat besar. Permohonan bagi menambah baik sistem pendawaian elektrik ini akan dipohon dalam tempoh RMKe-11.

Pada masa ini, pemeriksaan sistem pendawaian dilaksanakan secara berterusan oleh Cawangan Kejuruteraan Elektrik IPJKR Malaysia (Semenanjung & Sabah) dan Cawangan Elektrik JKR Negeri Sarawak. Berdasarkan kepada sumber peruntukan sedia ada, keutamaan pembaikan sistem pendawaian akan dilaksanakan kepada skop kerja yang kritikal dan disyorkan oleh JKR Elektrik.

RJM19